



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
NOVEMBER 2023**

**Inflasi Malaysia terus meningkat pada kadar perlahan kepada
1.5 peratus pada November 2023**

PUTRAJAYA, 22 Disember 2023 – Inflasi Malaysia terus merekod peningkatan pada kadar perlahan 1.5 peratus pada November 2023 dengan mata indeks mencatatkan 130.9 berbanding 129.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), NOVEMBER 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan inflasi ini telah didorong oleh peningkatan perlahan Restoran & Hotel, 4.3 peratus (Oktober 2023: 4.6%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 2.6 peratus (Oktober 2023: 3.6%) dan Kesihatan, 2.3 peratus (Oktober 2023: 2.4%). Selain itu, beberapa kumpulan utama yang menunjukkan peningkatan adalah Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.7 peratus (Oktober 2023: 1.6%) serta Pengangkutan 0.1 peratus (Oktober 2023: 0.0%).

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP telah merekodkan peningkatan perlahan iaitu 2.6 peratus. Komponen Makanan di rumah meningkat 1.4 peratus berbanding 2.1 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya. Kenaikan komponen Makanan di rumah adalah didorong terutamanya oleh subkumpulan Beras, roti & bijirin lain, 3.1 peratus (Oktober 2023: 3.6%). Ini diikuti oleh subkumpulan Susu, keju & telur dan Buah-buahan masing-masing meningkat 2.9 peratus dan 2.8 peratus. Sementara itu, komponen Makanan di luar rumah mereda kepada 3.9 peratus berbanding 5.6 peratus

yang direkodkan pada Oktober 2023. Antara item yang meningkat lebih rendah pada November 2023 adalah Ayam goreng disebabkan oleh kesan strategi promosi oleh industri rangkaian makanan segera.

Peningkatan inflasi subkumpulan Beras, roti & bijirin lain sebanyak 3.1 peratus pada November 2023 disumbangkan oleh kelas perbelanjaan Beras yang mencatatkan peningkatan perlahan 4.7 peratus berbanding 5.3 peratus pada Oktober 2023. Produk beras import dan beras wangi import masing-masing mencatatkan peningkatan 10.1 peratus dan 7.0 peratus berbanding 9.6 peratus dan 7.5 peratus pada Oktober 2023. Kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk menaikkan harga siling beras putih tempatan (BPT) daripada RM2.60 sekilogram kepada RM3.20 sekilogram bagi menjaga masa depan semua pihak yang terlibat dalam rantai pengeluaran bahan makanan itu.

Inflasi subkumpulan Susu, keju & telur meningkat kepada 2.9 peratus pada bulan November 2023 (Oktober 2023: 3.1%). Kenaikan yang lebih rendah telah dicatatkan bagi kelas perbelanjaan Susu cair/ susu pekat (1.9%), diikuti oleh Susu tepung & keluaran susu lain (4.0%) dan Telur (1.1%). Manakala, bagi inflasi subkumpulan Buah-buahan meningkat sebanyak 2.8 peratus pada November 2023 (Oktober 2023: 2.6%) adalah disumbangkan oleh kenaikan kelas perbelanjaan Buah-buahan segar (3.0%). Antara buah-buahan yang mencatatkan kenaikan adalah Oren, Pir dan Tembikai.

Subkumpulan Daging yang merangkumi Daging ayam, Daging lembu, Daging babi, Daging kambing, Daging kerbau dan Daging itik mencatatkan penurunan kepada negatif 0.2 peratus pada bulan November 2023 (Oktober 2023: 2.1%) terendah sejak Ogos 2021. Perbandingan bulan ke bulan bagi subkumpulan ini juga turut mencatatkan penurunan marginal negatif 0.5 peratus (Oktober 2023: 0.1%). Ayam yang merupakan komponen terbesar merangkumi 46.1 peratus dalam subkumpulan Daging mencatatkan penurunan negatif 4.6 peratus berbanding negatif 0.7 peratus pada bulan Oktober 2023. Purata harga Ayam standard di Malaysia menurun kepada RM9.96 sekilogram berbanding RM10.36 sekilogram pada bulan November 2022 (Oktober 2023: RM10.02). Seiring dengan penurunan harga di peringkat Malaysia, purata harga ayam standard Semenanjung Malaysia turut

mencatatkan penurunan kepada RM9.17 sekilogram berbanding RM9.83 sekilogram pada bulan November 2022 (Oktober 2023: RM9.32).

Kenaikan perlahan bagi kumpulan Restoran & Hotel kepada 4.3 peratus (Oktober 2023: 4.6%) terutamanya disumbangkan oleh kedua-dua subkumpulan Perbelanjaan di restoran & kafe, 4.3 peratus (Oktober 2023: 4.5%) dan Perkhidmatan penginapan 4.2 peratus (Oktober 2023: 5.1%). Selain itu, inflasi kumpulan Kesihatan mencatatkan kenaikan 2.3 peratus (Oktober 2023: 2.4%) yang didorong oleh kenaikan perlahan subkumpulan Perkhidmatan pesakit luar 3.6 peratus (Oktober 2023: 3.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 1.5 peratus. Walau bagaimanapun, lima negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.3%), Sarawak (2.0%), Perak (1.9%), Pulau Pinang (1.8%) dan Selangor (1.7%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Pulau Pinang (3.7%), Sarawak (3.6%), Selangor (3.5%), Wilayah Persekutuan Labuan (3.4%) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.0%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 2.6 peratus pada November 2023.

Inflasi keseluruhan secara bulanan menunjukkan tiada perubahan pada November 2023 berbanding Oktober 2023 (0.1%). Beberapa kumpulan terus mencatatkan peningkatan secara bulanan antaranya Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (0.4%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.2%) dan Kesihatan (0.2%), namun ia diimbangi dengan penurunan kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (-0.3%). Inflasi teras (2.0%) masih melepasi inflasi keseluruhan Malaysia (1.5%). Ini didorong oleh kumpulan Restoran & Hotel dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang masing-masing mencatatkan peningkatan sederhana 4.3 peratus dan 3.7 peratus pada November 2023.

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.5%) adalah lebih rendah berbanding Filipina (4.1%), Vietnam (3.5%), Republik Korea (3.3%) dan

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 22 Disember 2023**

Indonesia (2.9%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (-0.4%) dan China (-0.5%).

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 DISEMBER 2023**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 22 Disember 2023

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - November 2023



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga November 2023


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, November 2022 – November 2023




Carta 3

Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, November 2022 – November 2023




Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Oktober 2023 & November 2023



Carta 5


Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan, Oktober 2023 & November 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 22 Disember 2023


Carta 6

Inflasi Makanan Terpilih bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, November 2021 - November 2023




Carta 7

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, November 2022 – November 2023




Carta 8

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Oktober 2023 & November 2023




Carta 9

Inflasi bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol, November 2020 – November 2023




Carta 10

Inflasi mengikut Negeri, Oktober 2023 & November 2023



Carta 11

Inflasi bagi Negara Terpilih, November 2021 – November 2023




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 22 Disember 2023


Carta 12

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
NOVEMBER 2023**

***Malaysia's inflation continues to increase at a slower rate of
1.5 per cent in November 2023***

PUTRAJAYA, 22 December 2023 – Malaysia's inflation continues to increase at a slower rate of 1.5 per cent in November 2023 with the index points recorded at 130.9 as against 129.0 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), NOVEMBER 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, the increase in the inflation was driven by the lower increases in Restaurants & Hotels, 4.3 per cent (October 2023: 4.6%); Food & Non-Alcoholic Beverages group, 2.6 per cent (October 2023: 3.6%) and Health, 2.3 per cent (October 2023: 2.4%). In addition, some of the other main groups that showed an increase were Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, 1.7 per cent (October 2023: 1.6%) and Transport, 0.1 per cent (October 2023: 0.0%).

Food & Non-Alcoholic Beverages group which contributes 29.5 per cent of total CPI weight recorded a moderate increase of 2.6 per cent. The component of Food at home increased 1.4 per cent as compared to 2.1 per cent recorded in the previous month. The increase in the component of Food at home was mainly driven by the subgroup of Rice, bread & other cereals at 3.1 per cent (October 2023: 3.6%). This was followed by Milk, cheese & eggs and Fruits subgroups which inclined by 2.9 per cent and 2.8 per cent respectively. Meanwhile, the component of Food away from home increased slower to 3.9 per cent as compared to 5.6 per cent registered in October 2023. Among the items that showed a slower increase in November 2023

was Fried chicken mainly due to the effect of the promotion strategy by fast food industry.

The increase in Rice, bread & other cereals subgroup by 3.1 per cent in November 2023 was contributed by the expenditure class of Rice which recorded a slower increase of 4.7 per cent as compared to 5.3 per cent in October 2023. The imported rice and imported fragrant rice products increased by 10.1 per cent and 7.0 per cent respectively as compared to 9.6 per cent and 7.5 per cent in October 2023. The government is reviewing the proposal to increase the ceiling price of local white rice (BPT) from RM2.60 per kilogramme to RM3.20 per kilogramme to protect the future of all parties involved in the food production chain.

The inflation for Milk, cheese & eggs subgroup increased to 2.9 per cent in November 2023 (October 2023: 3.1%). The slower increase was recorded by the expenditure class of Evaporated/ condensed milk (1.9%), followed by Milk powder & other dairy products (4.0%) and Eggs (1.1%). Meanwhile, the inflation for the subgroup of Fruits increased by 2.8 per cent in November 2023 (October 2023: 2.6%) was contributed by the increase in expenditure class of Fresh fruits (3.0%). Among the fruits that recorded increases were Oranges, Pear and Watermelon.

The subgroup of Meat which consists of Chicken, Beef, Pork, Lamb, Buffalo and Duck recorded a decline to negative 0.2 per cent in November 2023 (October 2023: 2.1%) the lowest since August 2021. On a monthly comparison this subgroup also recorded a marginal decline to negative 0.5 per cent (October 2023: 0.1%). Chicken as the largest component comprised 46.1 per cent in the subgroup of Meat recorded a decline by negative 4.6 per cent as against negative 0.7 per cent in October 2023. The average price of Standard chicken in Malaysia slowed to RM9.96 per kilogramme as compared to RM10.36 per kilogramme in November 2022 (October 2023: RM10.02). In line with the decline in price at Malaysia level, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia also declined to RM9.17 per kilogramme as compared to RM9.83 per kilogramme in November 2022 (October 2023: RM9.32).

The slower increase in inflation for Restaurants & Hotels to 4.3 per cent (October 2023: 4.6%) was mainly driven by both subgroups of Expenditure in

restaurants and cafes, 4.3 per cent (October 2023: 4.5%) and Accommodation services, 4.2 per cent (October 2023: 5.1%). Other than that, inflation for Health recorded an increase of 2.3 per cent (October 2023: 2.4%) due to a slower incline by subgroups of Outpatients services at 3.6 per cent (October 2023: 3.7%).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level at 1.5 per cent. However, five states recorded increases above the national inflation level namely Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.3%), Sarawak (2.0%), Perak (1.9%), Pulau Pinang (1.8%) and Selangor (1.7%). All states registered an increase in the inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Pulau Pinang (3.7%), Sarawak (3.6%), Selangor (3.5%), Wilayah Persekutuan Labuan (3.4%) and Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.0%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages of 2.6 per cent in November 2023.

The monthly headline inflation remained unchanged in November 2023 as compared to October 2023 (0.1%). A few main groups continued to record increases on a monthly basis which comprised Miscellaneous Goods & Services (0.4%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.2%) and Health (0.2%). However, it was offset by a decline in the Food & Non-Alcoholic Beverages group (-0.3%). The core inflation (2.0%) still surpassed the overall national inflation rate (1.5%). This was due to Restaurants & Hotels and Food & Non-Alcoholic Beverages which recorded moderate increases of 4.3 per cent and 3.7 per cent respectively in November 2023.

In comparison to inflation of other countries, inflation in Malaysia (1.5%) was lower than inflation in the Philippines (4.1%), Vietnam (3.5%), Republic of Korea (3.3%) and Indonesia (2.9%). However, the rate is higher than Thailand (-0.4%) and China (-0.5%).

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 22 December 2023

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development”.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 DECEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 22 December 2023

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 – November 2023



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to November 2023

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, November 2022 – November 2023




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, November 2022 – November 2023




Chart 4

Inflation by Quadrant, October 2023 & November 2023




Chart 5

Distribution of Inflation for Food and Non-Food, October 2023 & November 2023




Chart 6

**Inflation of Selected Food for Income Group Below RM3,000,
November 2021 – November 2023**




Chart 7

**Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel,
November 2022 – November 2023**




Chart 8

Inflation by Main Group, October 2023 & November 2023




Chart 9

Inflation for Food & Non-Alcoholic Beverages, November 2020 – November 2023




Chart 10

Inflation by State, October 2023 & November 2023






Chart 11

Inflation of Selected Countries, November 2021 – November 2023



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 22 December 2023

Chart 12 Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit